

# ASPEK KESELAMATAN DALAM PERUMAHAN MAMPU MILIK

FARIDZUL ADZLI BIN MAD' ADIM

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi sebahagian  
Daripada syarat penganugerahan  
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina dan Ukur  
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2020

## DEDIKASI

*Ayahanda yang dihormati dan disanjung  
Tuan Haji Mad Adim Bin Hairoman  
Sokongan dan dorongan Ayahanda menguatkan azam dan cita-cita anakanda*

*Bonda yang disayangi dan dikasihi  
Allahyarhammah Hajjah Noorlia Binti Hussain  
Kasih sayang, doa dan pengorbanan yang sentiasa merestui anakanda  
Buat sahabat istimewa yang dirindui  
Allahyarhammah Nur Adilla Binti Fizel Razif  
Kekuatan dan sokonganmu menjadi sumber inspirasi diri untuk berjaya  
Damailah kalian di Syurga yang kekal abadi.*

*Adinda yang dihormati dan dikasihi  
Mohd Idzwan Bin Mad Adim + Shazliana Binti Mazlan  
Mohd Adzwan Bin Mad Adim  
Aidzat Bin Mad Adim  
Aqiel Bin Mad Adim  
Semoga adinda sekalian mencapai kejayaan yang diimpikan*

*Didikan dan Pengorbanan Penyelia Yang Tidak Jemu  
Dr. Siti Radiaton Adawiyah Binti Zakaria*

*Ketua Jabatan dan Pegawai Kanan yang sentiasa memahami  
Y.Bhg Datin Paduka Roslinah Binti Md Jani (DO Petaling)  
Y.Brs Puan Julaihah Binti Jamaludin (KPPD Tanah, Petaling)  
Y.Brs. Puan Farhana Lina Binti Morsit (PPD Pendaftaran, Petaling)  
Tidak Dilupakan Pegawai & kakitangan, Unit Pendaftaran, PDT Petaling  
Memberi dorongan dan galakan untuk meneruskan pengajian sehingga  
peringkat ini.*

*Kenangan bersama sahabat- sahabat seperjuangan  
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)  
Kuala Lumpur 2018-2019  
kalian menjadi memori terindah buatku*

*Serta mereka yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menyiapkan  
Projek Sarjana ini. Terima kasih kerana sentiasa menyokong dan membantu di saat  
aku buntu*

*Hanya Allah S.W.T yang mampu membalasnya..*

**Terima kasih Kalian .....**

**Ikhlas Daripada  
Faridzul Adzli Bin Mad Adim**

## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, Selawat serta Salam kepada junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, ahlul bait baginda dan para Sahadah radiyaAllahu' anhum ajmin. Pada Allah Azawajjala saya bersyukur kerana dengan limpah dan kurniaNya maka saya dapat menyiapkan Projek Sarjana yang bertajuk "*Aspek Keselamatan Dalam Perumahan Mampu Milik*".

Setinggi-tinggi penghargaan saya ingin merakamkan kepada penyelia saya yang telah memberikan maklumat, tunjuk ajar serta telah banyak meluangkan masa dalam melaksanakan projek ini. Jasa dan pengorbanannya tidak pernah dilupakan dan segala tunjuk ajarnya dan ilmu yang dicurahkan agar menjadi bekalan bagi hidup dan kerjaya saya kelak. Tidak dilupakan juga, pensyarah-pensyarah LAD yang tanpa penat dan lelah mendidik saya sehingga ke tahap ini.

Penghargaan juga diberikan kepada kepada ibu bapa saya atas pengorbanan, kasih sayang yang dicurahkan selama ini dalam memberikan kekuatan saya untuk menamatkan pengajian ini. Dengan iringan doa buat bonda tersayang Allahyarham Hajjah Noorlia Binti Hussain yang selama ini menjadi tulang belakang saya dan impian bonda untuk melihat kejayaan anakanda diperingkat yang lebih tinggi tidak berkesempatan kerana Allah S.W.T lebih menyanyangi Bonda. Terima kasih bonda. Semoga bonda ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman. Di samping itu, dorongan dan semangat yang sahabat-sahabat, kenalan dan taulan berikan kepada saya telah banyak membantu saya agar sentiasa tabah dalam mengharungi segala cabaran dan dugaan dalam apa jua keadaan bagi menyiapkan projek sarjana ini.

Penghargaan setinggi-tingginya kepada penghuni Pangsapuri Mampu Milik Subang Suria, Bahagian Strata Pejabat Tanah dan Galian Selangor, Seksyen Strata, Pejabat Daerah dan Tanah Petaliang kerana memberi maklumat dan data-data yang lengkap serta sokongan yang tidak pernah jemu dalam menyiapkan projek sarjana ini.

## ABSTRAK

Keselamatan di kawasan kediaman merupakan elemen penting dalam menjamin kesejahteraan penduduk. Keselamatan perumahan merujuk kepada keadaan terlindungi daripada masalah fizikal, dan perkara-perkara lain yang melibatkan kerosakan atau kejadian yang tidak diingini, lengkap dengan kemudahan, keselamatan yang baik, serta kawasan kejiranan yang mampu meningkatkan kualiti hidup. Namun, keselamatan kawasan perumahan sering terjejas dengan isu jenayah yang melibatkan keselamatan diri dan harta benda serta kerosakan fasiliti yang disediakan. Oleh itu kajian ini bertujuan mengenal pasti tahap keselamatan dalam aspek keselamatan individu, keselamatan harta benda dan keselamatan struktur bangunan dalam kalangan penduduk perumahan rumah mampu milik Pangsapuri Subang Suria didalam Daerah Petaling di Negeri Selangor. Rekabentuk kajian kuantitatif dan pendekatan tinjauan deskriptif menggunakan instrumen soal selidik telah digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklum balas daripada responden kajian. Data yang diperolehi dianalisis dengan Perisian IBM SPSS versi 23.0. Statistik deskriptif iaitu frekuensi, peratusan dan min telah digunakan untuk menjelaskan profil respons dan menjawab persoalan kajian. Seramai N= 286 responden yang terdiri daripada penduduk Pangsapuri Subang Suria dipilih secara rawak. Hasil dapatan kajian mendapati tahap keselamatan adalah tinggi, berisiko tinggi dan terancam dengan keseluruhan min bagi ketiga-tiga aspek keselamatan ialah keselamatan individu (min = 3.24), harta benda (min = 3.18) dan infrastruktur bangunan (min = 2.87). Kajian ini di harap dapat memberi panduan bagi menaiktarafkan sistem keselamatan di kawasan perumahan Rumah Mampu Milik dan menambahkan pelan tindakan dan strategi keselamatan sedia ada di kawasan perumahan tersebut.

## **ABSTRACT**

Safety is one of the important element to ensure the resident's well-being. Housing safety refers to the state of individual protection in term of reducing risk, damage or accident, with well prepared public facilities, and good neighbourhoods that enhance the quality of life. However, the safety of residential areas is often affected by criminal issues involving personal and property security and the damage to facilities provided. The purpose of this study was to identify the level of security in the area of individual security, property security and building structure among affordable housing residents in Subang Suria Apartments in Petaling District in Selangor. Quantitative study design and descriptive survey approach using a questionnaire instrument were used in this study to get feedback from respondents. The collected data were analyzed with IBM SPSS Software version 23.0. Descriptive statistics of frequency, percentage and mean were used to explain the response profile and answer the research questions. A total of N = 286 respondents comprising the residents of the Subang Solar Apartments were randomly selected. The findings of the study found that the level of safety was high and high risk and threatened. The overall mean for all three aspects of security is individual security (min = 3.24), property (min = 3.18) and building infrastructure (min = 2.87). This study hopes to guide on upgrading the security system in the RMM housing area and delving into existing security plans and strategies in the area.

## SENARAI KANDUNGAN

|              | TAJUK   | MUKA SURAT  |
|--------------|---|-------------|
|              | <b>PENGAKUAN</b>                                      | <b>iii</b>  |
|              | <b>DEDIKASI</b>                                       | <b>iv</b>   |
|              | <b>PENGHARGAAN</b>                                    | <b>v</b>    |
|              | <b>ABSTRAK</b>  | <b>vi</b>   |
|              | <b>ABSTRACT</b>                                       | <b>vii</b>  |
|              | <b>SENARAI KANDUNGAN</b>                              | <b>viii</b> |
|              | <b>SENARAI JADUAL</b>                                 | <b>xii</b>  |
|              | <b>SENARAI RAJAH</b>                                  | <b>xiv</b>  |
|              | <b>SENARAI SINGKATAN</b>                              | <b>xv</b>   |
|              | <b>SENARAI LAMPIRAN</b>                               | <b>xvi</b>  |
| <b>BAB 1</b> | <b>Pengenalan</b>                                     | <b>1</b>    |
|              | 1.1 Latar Belakang Kajian                             | 1           |
|              | 1.2 Pernyataan Masalah                                | 3           |
|              | 1.3 Matlamat Kajian                                   | 7           |
|              | 1.4 Objektif Kajian                                   | 7           |
|              | 1.5 Skop Kajian                                       | 7           |
|              | 1.6 Kepentingan Kajian                                | 10          |
|              | 1.6.1 Pihak Kerajaan                                  | 10          |
|              | 1.6.2 Pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO)                | 11          |
|              | 1.6.3 Pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB)            | 12          |
|              | 1.6.4 Pihak Pemilik Perumahan Mampu Milik             | 12          |
|              | 1.7 Metodologi Kajian                                 | 13          |
|              | 1.7.1 Kaedah Kajian                                   | 14          |
|              | 1.7.1.1 Peringkat I: Pengenalan Kepada Kajian         | 15          |
|              | 1.7.1.2 Peringkat II: Kajian Teoritikal dan Literatur | 15          |

|              |   |           |
|--------------|---|-----------|
| 1.7.1.3      | Peringkat III: Proses Pengumpulan Data                  | 15        |
| 1.7.1.4      | Peringkat IV: Menganalisis Data                         | 22        |
| 1.7.1.5      | Peringkat V: Kesimpulan dan Cadangan                    | 24        |
| 1.8          | Susunatur Bab   | 26        |
| 1.8.1        | Bab 1: Pendahuluan                                      | 26        |
| 1.8.2        | Bab 2: Aspek Keselamatan Perumahan Mampu Milik          | 26        |
| 1.8.3        | Bab 3: Lokasi Kajian                                    | 27        |
| 1.8.4        | Bab 4: Analisa Kajian dan Penemuan Kajian               | 27        |
| 1.8.5        | Bab 5: Cadangan dan Kesimpulan                          | 27        |
| <b>BAB 2</b> | <b>PERUMAHAN MAMPU MILIK DAN ASPEK KESELAMATAN</b>      | <b>29</b> |
| 2.1          | Pengenalan  | 29        |
| 2.2          | Definisi Rumah  | 31        |
| 2.2.1        | Rumah Mampu Milik                                       | 32        |
| 2.2.2        | Pelaksanaan Rumah Mampu Milik di Malaysia               | 33        |
| 2.2.3        | Pelaksanaan Rumah Selangorku di Negeri Selangor         | 36        |
| 2.3          | Definisi Keselamatan                                    | 39        |
| 2.3.1        | Elemen- Elemen Keselamatan Rumah Mampu Milik            | 39        |
| 2.3.1.1      | Aspek Keselamatan Individu                              | 41        |
| 2.3.1.2      | Aspek Keselamatan Harta Benda                           | 43        |
| 2.3.1.3      | Aspek Keselamatan Infrastruktur Bangunan                | 43        |
| 2.3.2        | Isu- Isu Keselamatan Rumah Mampu Milik                  | 48        |
| 2.3.2.1      | Jenayah Di Kawasan persekitaran Rumah Mampu Milik       | 50        |
| 2.3.2.2      | Infrastruktur di Kawasan persekitaran Rumah Mampu Milik | 52        |
| 2.3.3        | Langkah- Langkah Pencegahan dari Aspek Keselamatan      | 54        |
| 2.4          | Definisi Kesejahteraan Komuniti                         | 55        |

|              |   |           |
|--------------|---|-----------|
| 2.4.1        | Perumahan Melambangkan Kesejahteraan Hidup                      | 57        |
| 2.5          | Aspek Keselamatan dari Perspektif Luar Negara                   | 58        |
| 2.6          | Rumusan   | 62        |
| <b>BAB 3</b> | <b>KAWASAN KAJIAN</b>   | <b>63</b> |
| 3.1          | Pengenalan  | 63        |
| 3.2          | Sejarah Negeri Selangor Darul Ehsan                             | 63        |
| 3.2.1        | Daerah Petaling   | 64        |
| 3.2.1        | Majlis Bandaraya Shah Alam                                      | 66        |
| 3.3          | Taburan Penduduk Negeri Selangor                                | 68        |
| 3.4          | Perumahan Mampu Milik di Negeri Selangor                        | 69        |
| 3.4.1        | Perumahan Mampu Milik Di Daerah Petaling                        | 75        |
| 3.5          | Lokasi Kajian   | 77        |
| 3.6          | Faktor Pemilihan Lokasi Kajian                                  | 79        |
| 3.7          | Rumusan   | 82        |
| <b>BAB 4</b> | <b>ANALISA DATA</b>   | <b>83</b> |
| 4.1          | Pengenalan  | 83        |
| 4.2          | Analisis Terhadap MaklumBalas Borang Soal Selidik               | 83        |
| 4.3          | Analisis Kajian   | 88        |
| 4.3.1        | Analisis Latar Belakang Kajian                                  | 88        |
| 4.3.2        | Analisis Tahap Keselamatan Rumah Mampu Milik                    | 98        |
| 4.3.2.1      | Analisis Frekuensi Tahap Keselamatan Rumah Mampu Milik          | 98        |
| 4.3.2.2      | Analisis Min dan Median Tahap Keselamatan Perumahan Mampu Milik | 103       |
| 4.3.2.3      | Analisis Skala Likert   | 111       |
| 4.3.2.4      | Analisis Penjadualan Bersilang (Cross – Tab)                    | 117       |
| 4.4          | Rumusan   | 132       |



|                |                                    |            |
|----------------|------------------------------------|------------|
| <b>BAB 5</b>   | <b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b> | <b>133</b> |
| 5.1            | Pengenalan                         | 133        |
| 5.2            | Penemuan Kajian                    | 133        |
| 5.2.1          | Pencapaian Objektif Pertama        | 134        |
| 5.2.2          | Pencapaian Objektif Kedua          | 135        |
| 5.3            | Cadangan Penambahbaikan            | 137        |
| 5.4            | Cadangan Kajian Lanjutan           | 139        |
| 5.5            | Limitasi Kajian                    | 140        |
| 5.6            | Kesimpulan                         | 141        |
| <b>RUJUKAN</b> |                                    | <b>143</b> |

## SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK  | MUKA SURAT |
|------------|--|------------|
| Jadual 1.1 | Perbezaan Kajian Lepas Diantara Tahun 2015 hingga 2019   | 8          |
| Jadual 1.2 | Jumlah Populasi dan Sampel pemilik perumahan mampu milik Subang Suria di dalam Mukim Petaling dalam daerah petaling di Negeri Selangor | 18         |
| Jadual 1.3 | Populasi Dan Sampel Krejcie dan Morgan 1970)   | 19         |
| Jadual 1.4 | Jadual Skala Likert 4 Mata   | 21         |
| Jadual 2.1 | Insentif dan Dasar Perumahan Mampu Milik Di Malaysia   | 34         |
| Jadual 2.2 | Zon Pembangunan Rumah Selangorku   | 37         |
| Jadual 2.3 | Jenis- Jenis Pembangunan Bangunan Kediaman Mampu Milik   | 37         |
| Jadual 2.4 | Teori Keperluan Maslow (1954) Dalam Kajian Macintyre et al. (2002)   | 41         |
| Jadual 2.5 | Pertubuhan, aktiviti dan kes-kes yang boleh mendatangkan ancaman keselamatan   | 51         |
| Jadual 2.6 | Aspek Keselamatan dari Perspektif Antarabangsa (Negara Luar)   | 58         |
| Jadual 3.1 | Taburan Penduduk Di Negeri Selangor  | 69         |
| Jadual 3.2 | Zon Pembangunan Perumahan Rumah Selangorku.  | 70         |
| Jadual 3.3 | Jadual Peratusan Penyediaan Perumahan Mampu Milik Selangorku   | 72         |
| Jadual 3.4 | Komponen Penyediaan Perumahan Mampu Milik Selangorku.  | 73         |
| Jadual 3.5 | Syarat Pembinaan Perumahan Mampu Milik Selangorku  | 74         |
| Jadual 3.6 | Status Perancangan, Dalam Pembinaan dan Siap Dibina Bagi Daerah Petaling 2019.   | 75         |
| Jadual 3.7 | Senarai Projek yang Ditawarkan oleh Rumah Mampu Milik Selangorku bagi tahun 2019   | 77         |
| Jadual 3.8 | Bilangan Unit dan Syer setiap Bangunan.  | 79         |

|             |  |     |
|-------------|--|-----|
| Jadual 3.9  | Pemilihan Lokasi Kajian  | 80  |
| Jadual 4.1  | Kandungan Borang Soal Selidik  | 84  |
| Jadual 4.2  | Analisis Borang Soal Selidik Berdasarkan Frekuensi dan Peratusan Responden       | 88  |
| Jadual 4.3  | Jadual Analisis Latar Belakang Responden   | 89  |
| Jadual 4.4  | Min Skor Konstruk Aspek Keselamatan Individu                                     | 104 |
| Jadual 4.5  | Min Skor Konstruk Aspek Keselamatan Harta Benda                                  | 106 |
| Jadual 4.6  | Min Skor Konstruk Aspek Keselamatan Infrastruktur Bangunan                       | 109 |
| Jadual 4.7  | Jadual Interpretasi Julat Skor Min   | 112 |
| Jadual 4.8  | Tahap Keselamatan Berdasarkan kepada Julat Min                                   | 113 |
| Jadual 4.9  | Pemboleh Ubah Yang Dianalisis Menggunakan Analisa <i>Cross-Tab</i>               | 118 |
| Jadual 4.10 | Hubungan Faktor Demografi Jantina dengan Aspek Keselamatan Individu              | 119 |
| Jadual 4.11 | Hubungan Faktor Demografi Umur terhadap Aspek Keselamatan Infrastruktur Bangunan | 122 |
| Jadual 4.12 | Hubungan Faktor Bilangan Isi Rumah dengan Aspek Keselamatan Harta Benda          | 127 |

## SENARAI RAJAH

| <b>NO.RAJAH</b> | <b>TAJUK</b>   | <b>MUKA SURAT</b> |
|-----------------|--|-------------------|
| Rajah 1.1       | Hubung Kait Metodologi Dalam Kajian  | 14                |
| Rajah 1.2       | Carta Aliran Prosedur Pengumpulan Data   | 16                |
| Rajah 1.3       | Pengiraan Perbezaan Skor Min   | 23                |
| Rajah 1.4       | Kerangka Operasi Kajian  | 25                |
| Rajah 2.1       | Teori Hierarki Keperluan Maslow (1954)   | 40                |
| Rajah 3.1       | Peta Negeri Selangor Darul Ehsan   | 64                |
| Rajah 3.2       | Peta Daerah Petaling   | 65                |
| Rajah 3.3       | Peta Semenanjung Malaysia  | 66                |
| Rajah 3.4       | Peta Lokaliti Daerah Shah Alam   | 68                |
| Rajah 3.5       | Zon Pembangunan Perumahan Mampu Milik Negeri Selangor  | 71                |
| Rajah 3.7       | Pembangunan Rumah Mampu Milik Daerah Petaling bagi tahun 2019.                                       | 76                |
| Rajah 3.8       | Unjuran Perumahan (Bilangan Unit) Negeri Selangor bagi Tahun 2010 hingga 2035                        | 81                |
| Rajah 4.1       | Jantina Responden  | 90                |
| Rajah 4.2       | Umur Responden   | 91                |
| Rajah 4.3       | Taraf Perkahwinan Responden  | 93                |
| Rajah 4.4       | Tahap Pendidikan Responden   | 94                |
| Rajah 4.5       | Status Pemilikan Rumah   | 95                |
| Rajah 4.6       | Bilangan Isi Rumah Setiap Responden  | 96                |
| Rajah 4.7       | Status Pekerjaan Responden   | 97                |
| Rajah 4.8       | Analisis Frekuensi Tahap Keselamatan Rumah Mampu Milik dari Aspek Keselamatan Individu               | 99                |
| Rajah 4.9       | Analisis Tahap Keselamatan Rumah Mampu Milik dari Aspek Keselamatan Harta Benda.                     | 100               |
| Rajah 4.10      | Analisis Frekuensi Tahap Keselamatan Rumah Mampu Milik dari Aspek Keselamatan Infrastruktur Bangunan | 102               |

## SENARAI SINGKATAN

|         |   |  |
|---------|---|--|
| BOAVAEA | - | <i>Board Value, Appraisers and Estate Agents</i>     |
| CCTV    | - | Kamera Litar Tertutup                                |
| CPTED   |   | <i>Crime Prevention Through Environmental Design</i> |
| DEB     | - | Dasar Ekonomi Baru                                   |
| DRMM    | - | Dasar Perumahan Mampu Milik Negara                   |
| HUD     | - | <i>US House and Urban Development</i>                |
| JKR     | - | Jabatan Kerja Raya Malaysia                          |
| JMB     | - | <i>Joint Management Body</i>                         |
| JPBD    | - | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa                  |
| JPN     | - | Jabatan Perumahan Negara                             |
| KPKT    | - | Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan          |
| LPHS    | - | Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor              |
| LPPKN   | - | Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara     |
| MBSA    | - | Majlis Bandaraya Shah Alam                           |
| MCPF    | - | <i>Malaysia Crime Prevention Foundation</i>          |
| MM      | - | <i>Median Multiple</i>                               |
| NGO     | - | <i>Non- governmental Organisation</i>                |
| PAKR    | - | Perumahan Awam Kos Rendah                            |
| PBPT    | - | Pihak Berkuasa Perancang Tempatan                    |
| PBT     | - | Pihak Berkuasa Tempatan                              |
| PDRM    | - | Polis DiRaja Malaysia                                |
| PKNEP   | - | Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak             |
| PKNS    | - | Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor                  |
| PRIMA   | - | Perumahan Rakyat 1 Malaysia                          |
| RMK     | - | Rancangan Malaysia Ke-                               |
| RMM     | - | Rumah Mampu Milik                                    |
| RMR     | - | Rumah Mesra Rakyat                                   |
| RUMAWIP | - | Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan                |
| SPNB    | - | Syarikat Perumahan Negara Berhad                     |

## SENARAI LAMPIRAN

| <b>LAMPIRAN</b> | <b>TAJUK</b>                                 | <b>MUKA SURAT</b> |
|-----------------|--|-------------------|
| Lampiran A      | Salinan DHKK HakMilik Master PN. 11522       | 157               |
| Lampiran B      | Pelan Tanah B1 bagi PN. 11522                | 162               |
| Lampiran C      | Indeks Daftar Strata (Daftar Strata No.2714) | 163               |
| Lampiran D      | Pelan Susun Atur Pangsapuri Subang Suria     | 164               |
| Lampiran E      | Borang Soal Selidik                          | 165               |

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Rumah atau tempat tinggal merupakan perkara asas dalam kehidupan selain daripada makanan, pakaian dan perubatan. Tempat tinggal yang selesa merupakan satu kunci kepada kesejahteraan keluarga yang mana ia akan memberikan kesan dan pengaruh yang positif kepada sebuah komuniti tersebut. Di Malaysia, terdapat variasi pilihan kediaman yang ditawarkan di pasaran daripada rumah untuk golongan elit sehinggalah rumah mampu milik untuk mereka yang berpendapatan rendah. Aspek pemilikan rumah merupakan antara fokus utama kerajaan sehingga kini. Malah baru-baru ini kerajaan telah melancarkan Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) [2018 – 2025] yang pertama seumpamanya dalam usaha mewujudkan rumah mampu milik yang kondusif kepada kumpulan berpendapatan 40 peratus terendah (B40) (Luqman, 2019).

Memiliki rumah adalah salah satu hak asasi manusia seperti yang termaktub dalam Perkara 25, Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejagat yang diumumkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1948 (Universal Declaration of Human Rights, 1948). Rumah boleh ditafsirkan sebagai lebih daripada satu tempat perlindungan yang memiliki struktur tetap atau sementara (Onu & Onu, 2012). Secara dasarnya, perumahan direkabentuk untuk melindungi penghuni terhadap unsur-unsur dan penceroboh yang tidak diinginkan (Bentley et al., 2016). Perumahan menyediakan tempat perlindungan yang selamat untuk hidup dan menjalankan pelbagai aktiviti manusia yang menyumbang kepada kesejahteraan isi rumah (Grady, 2019). Perumahan merangkumi kualiti, keselesaan, jaringan sosial, dan kemudahan komuniti dimana terdapat pelbagai perkhidmatan sosial dan utiliti yang boleh dinikmati oleh pemilik rumah dan komuniti atau kejuruan persekitaran (Acolin et al., 2017).

Perumahan yang mencukupi adalah sangat penting untuk keharmonian sosial dan pembangunan ekonomi dan kemakmuran tempatan (Obremski & Carter, 2019).

Secara umumnya perkembangan dasar perumahan di Malaysia semenjak merdeka boleh dibahagikan kepada 5 fasa iaitu:

- i. Fasa Perumahan Awal Kemerdekaan (1957 - 1970);
- ii. Perumahan untuk Mengatasi Masalah Kemiskinan (1970 - 1985);
- iii. Perumahan Berfokuskan Pasaran (1986 - 1997);
- iv. Perumahan untuk Menghapuskan Setinggalan (1998 - 2011); dan
- v. Perumahan Mampu Milik (2012 hingga kini).

Setiap fasa pembangunan perumahan lazimnya berkait rapat dengan keadaan sosial, politik dan ekonomi negara semenjak merdeka. Keadaan ini menjadikan dasar dan program perumahan yang digubal di Malaysia adalah unik selaras dengan keperluan semasa negara ini. Malah kejayaan dan pencapaian program perumahan di Malaysia sejak merdeka sering dijadikan rujukan oleh banyak negara membangun lain (Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) [2018 – 2025] ).

Dalam konteks perumahan rumah mampu milik (RMM), tiada definisi yang *standard* yang digunakan secara menyeluruh dalam bidang ini, namun kajian terdahulu merujuk RMM adalah berkaitan dengan jumlah kos rumah yang mampu di bayar/dibeli oleh pembeli berbanding pendapatan isi rumah (Hamidi, Ewing, & Renne, 2016). Pemilikan RMM ini menggariskan bahawa kemampuan pembeli adalah tidak melebihi 30% dari jumlah pendapatan isi rumah. Di Malaysia, terdapat dasar-dasar perumahan mampu milik yang dikawal selia oleh pelbagai agensi. Antaranya adalah Jabatan Perumahan Negara (KPKT), Perumahan Rakyat 1 Malaysia (PRIMA), Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) di mana terdapat perbezaan dari segi harga jualan dan harga kos di kawasan-kawasan hartanah tertentu (Jabatan Perumahan Negara, 2014; Perbadanan PR1MA Malaysia, 2014); Kementerian Wilayah Persekutuan, 2013).



Cabaran terbesar kerajaan pada hari ini adalah bukan setakat untuk menyediakan kediaman mampu milik kepada mereka yang berpendapatan rendah terutamanya golongan B40, tetapi adalah bagaimana kerajaan mampu untuk menyediakan rumah mampu milik yang serba serbi lengkap daripada aspek sosialnya dalam konteks kehidupan komuniti di Malaysia. ini termasuklah aspek fasiliti seperti kompleks sukan, riadah, akses kepada sekolah, akses kepada hospital, balai polis dan sebagainya. Selari dengan isu ini, kerajaan juga telah melancarkan dasar Komuniti Negara dalam usaha membentuk komuniti yang lebih peka kepada isu-isu sosial dalam masyarakat dan mewujudkan kehidupan lebih sejahtera (Berita Harian, 2019). Justeru kajian ini akan menjurus kepada aspek keselamatan yang perlu ditekankan oleh kerajaan dalam projek perumahan mampu milik di Malaysia.

Kesejahteraan juga berkait rapat dengan kesihatan minda yang diperolehi daripada keharmonian rumahtangga, persekitaran yang sihat (udara segar dan nyaman), dan aktiviti-aktiviti jasmani serta rohani dapat dilaksanakan tanpa rasa bimbang. Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi peningkatan kesejahteraan komuniti yang telah dikenalpasti seperti keadaan kesihatan, pendapatan isi rumah (ekonomi keluarga), status pendidikan, kualiti perumahan (perumahan dan persekitaran), dan penerimaan kepada diversiti kaum, budaya dan agama (keluarga dan kerohanian), keselamatan keluarga (Bakar & Jusoh, 2017; Kamberi, Martinovic, & Verkuyten, 2015; Li & Tsai 2014).

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Keselamatan merupakan aspek penting dalam menjamin keselesaan dan kesejahteraan kehidupan seharian agar proses hidup masyarakat lebih terjamin dan berkualiti terutamanya di kawasan Rumah Mampu Milik (Abdullah, 2011). Menurut Abdullah (2011) Keselamatan didefinisikan sebagai keadaan persekitaran yang terpelihara daripada bahaya, bencana atau gangguan yang boleh menyebabkan berlakunya sesuatu kemalangan. Disebabkan itu, menurut disokong oleh Emma Mulliner et al. (2011) yang mana aspek keselamatan adalah merupakan kunci utama kepada kriteria Rumah Mampu Milik yang perlu dijadikan asas kepada pembinaan

Rumah Mampu Milik. Keselamatan melibatkan aspek seperti penghuni mendapat perlindungan daripada jenayah yang mungkin berlaku (Ramdane & Abdullah, 2000), mengelak daripada berlakunya perkara yang tidak diingini (Abdul Hakim et al., 2006) dan menjaga keselamatan penghuni daripada kebakaran dan kemalangan (Kangjuan & Wei, 2010; Kellekci & Berkoz, 2006).

Liputan kes jenayah boleh dilihat di pelbagai platform digital mahupun cetak (media sosial, media elektronik dan media cetak). Berikut merupakan ringkasan kes jenayah di kawasan perumahan yang dilaporkan oleh akhbar tempatan sekitar tahun 2016-2019.

- i. Pasangan pelakon disyaki terbabit dengan 11 kes pecah rumah bertarikh 21 Oktober 2016.
- ii. Wanita cemas penjenayah sembunyi didalam rumah bertarikh 05 Mei 2017.
- iii. Dua Ditahan terlibat kes pecah rumah di sekitar Johor Bharu bertarikh 06 Ogos 2019.

Penyediaan perumahan mampu milik tanpa mengambil kira elemen-elemen kemudahan seperti kawalan keselamatan dan akses jalan raya yang terhad boleh menyumbang kepada wujudnya elemen jenayah yang akan menyumbang kepada komuniti bermasalah (Selamat et al., 2018). Menurut Selamat et al. (2018) lagi penekanan kepada aspek kuantiti perumahan sahaja tanpa mengambil kira aspek keselamatan kawasan perumahan boleh menerbitkan isu-isu sosial yang menyebabkan komuniti yang tidak stabil. Oleh itu, bagi mewujudkan komuniti kejiranan yang aman dari masalah jenayah, penyediaan kemudahan awam yang komprehensif adalah perlu termasuklah akses kepada balai polis berhampiran, membina pusat kawalan keselamatan, atau kemudahan CCTV yang mencakupi seluruh kawasan perumahan. Ketiadaan aspek-aspek pencegahan jenayah ini secara tidak langsung akan menyumbang kepada permasalahan jenayah.

Aktiviti jenayah boleh disumbangkan oleh persekitaran perumahan yang kurang mampan sebagaimana yang diterangkan dalam Teori Perlabelan (Labeling Theory) oleh Brown (2007) menjelaskan bahawa jenayah boleh dilakukan oleh

seseorang individu yang tidak selesa dan sesuai dengan keadaan perumahan yang didiaminya sehingga berlaku konflik antara kelompok komuniti tersebut. Hal ini boleh berkait dengan penduduk yang tidak selesa dengan persekitaran perumahan mereka sehingga memberi tekanan dan mendedahkan mereka melakukan aktiviti tidak bermoral seperti jenayah pecah rumah dan penagihan dadah. Teori Struktur Sosial (dalam konteks jenayah) pula menjelaskan bahawa tingkah laku jenayah berlaku akibat daripada tekanan sosial dan kelemahan struktur sosial tersebut (Brown et al., 2007; Conklin, 2007). Keadaan ini boleh dirujuk dengan keadaan persekitaran perumahan yang tidak menjamin struktur sosial yang berkesan seperti hubungan kejiiran yang lemah, hubungan kekeluargaan yang tidak rapat dan sempurna.

Tighe (2012) menggariskan satu tanggapan utama terhadap perumahan mampu milik adalah persepsi rumah yang sering dikaitkan dengan aktiviti jenayah. Usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu keselamatan di kawasan tempat tinggal terutama di kawasan perumahan kos rendah atau kediaman mampu milik telah di titikberatkan sejak dari dahulu bagi mengurangkan masalah berkaitan dengan kemasyarakatan dan budaya (Jamaluddin, 2004). Dari konteks masalah berkaitan masyarakat dan budaya, antara aspek yang sering dibincangkan adalah masalah keselamatan yang berkaitan dengan keselamatan keluarga dan isi rumah, aspek keselamatan individu, keselamatan harta benda dan keselamatan struktur bangunan (Ali et al., 2015).

Sikap sesetengah masyarakat atau penduduk di kawasan perumahan mampu milik ini dikatakan memandang remeh isu keselamatan keluarga dari segi (i) pengetahuan kecemasan (tidak menyediakan alat bantuan kecemasan di setiap rumah, tinggalkan orang tua yang tidak sihat, kanak-kanak tanpa jagaan), (ii) kondisi rumah yang tidak selesa seperti atap atau tandas yang bocor dan (iii) persekitaran yang berbahaya, sebagai contohnya longkang yang tidak ditutup yang baik (Vivian, 2007). Kebanyakan penduduk di kawasan perumahan ini masih tidak mengendahkan tentang bahaya dan risiko yang boleh berlaku pada bila-bila masa sahaja samaada di dalam kawasan rumah atau diluar rumah. Hal ini kerana, masyarakat sentiasa mewujudkan situasi di kawasan rumah seperti tidak mengunci pintu ketika keluar rumah atau

meninggalkan kunci rumah di kawasan yang senang di ketahui (Mohit & Elsawahli, 2017).

Menurut Samsurijan et al., 2017; Yusoff et al., (2011), kemudahan asas yang tidak diselenggara dengan baik seperti kerosakan lif serta pendawaian boleh menjejaskan keselamatan penduduk. Selain itu, tiada kawasan yang khusus untuk kanak-kanak bermain seperti taman permainan dan juga kawasan permainan kanak-kanak yang sudah rosak, menyebabkan kanak-kanak hanya bermain di kawasan koridor rumah. Hal ini memberi risiko kecederaan yang tinggi kepada kanak-kanak. Bukan itu sahaja, kawasan ruang parkir yang tidak mencukupi juga mendatangkan masalah keselamatan dimana penduduk meletakkan kenderaan di bahu-bahu jalan, dan menghalang lalu lintas serta boleh menyebabkan kemalangan. Prosedur penyelenggaraan perumahan awam lebih menekankan aspek tindakan daripada pencegahan telah menyebabkan pembaziran sumber dan seterusnya meningkatkan kos penyelenggaraan. Masalah ini bertambah apabila kos meningkat akibat bangunan yang semakin buruk (Ali et al., 2010).

Usaha serta peranan yang dimainkan oleh persatuan penduduk amat penting dalam usaha menyampaikan pelbagai maklumat kepada penduduk termasuklah maklumat keselamatan. Tiadanya kawalan yang sewajarnya boleh menyumbangkan kepada peningkatan risiko keselamatan harta benda dicuri dan juga keselamatan individu (Vivian, 2007). Gejala tidak sihat seperti gangguan seksual, penagihan dadah, peras ugut, ajaraan sesat gengsterism, konsi gelap dan pertubuhan haram telah menyumbang kepada masalah keselamatan dikawasan perumahan tersebut (Samsurijan et al., 2017; Selamat et al., 2018; Zahari et al., 2016). Ismail et al. (2017) dimana, remaja dari latar belakang ekonomi yang rendah dan persekitaran yang tidak sihat lebih terdedah dengan kelakuan jenayah Peningkatan kes jenayah di kawasan penduduk ini rumah mampu milik sekaligus menyumbangkan kepada peningkatan kes pecah rumah.

Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat bahawa satu kajian perlu dijalankan untuk mengkaji aspek keselamatan dalam komuniti Rumah Mampu Milik. Hasil kajian ini dijangkakan dalam usaha meningkatkan keselamatan penduduk di kawasan

perumahan mampu milik. Impak dari kajian ini, pengkaji mengharapkan elemen keselamatan yang perlu dititikberatkan bagi sesebuah kawasan perumahan mampu milik.

### **1.3 Matlamat Kajian**

Matlamat kajian ini adalah supaya tahap keselamatan dapat dipertingkatkan menuju kepada kesejahteraan komuniti Rumah Mampu Milik.

### **1.4 Objektif Kajian**

Bagi mencapai matlamat kajian, objektif kajian yang lebih khusus telah ditentukan seperti berikut:

- i. Mengenalpasti aspek keselamatan dalam kawasan perumahan rumah mampu milik.
- ii. Mengkaji tahap keselamatan penduduk dalam kawasan perumahan rumah mampu milik.

### **1.5 Skop Kajian**

Kajian terhadap perumahan yang mampan adalah tertakluk kepada penyelidikan, amalan dan dasar sesebuah negara semakin dititikberatkan dalam kontek mencapai kesejahteraan penduduk. Kajian ini memberi fokus kepada pemilik dan penduduk dengan melihat kepada tahap keselamatan di kawasan perumahan mampu milik. Jadual 1.1. menunjukkan ringkasan kajian terdahulu yang berkaitan dengan kajian ini.

Jadual 1.1 Perbezaan Kajian Lepas Diantara Tahun 2015 hingga 2019

| NO. | PENGKAJI  | KAJIAN   | OBJEKTIF KAJIAN  | ALAT KAJIAN  |
|-----|---|--|--|--|
| 1   | Badiora and Adebara (2019)                              | <i>Residential property and break-ins</i>  | Meneliti agen jualan dan persepsi penduduk mengenai keberkesanan Pencegahan Jenayah melalui Reka Bentuk Alam Sekitar (CPTED) dalam mengurangkan waktu rehat malam dan waktu siang di estet kediaman. | Kajian ini menggunakan kaedah kajian kes. Dua buah estet perumahan (satu di dalam dan satu di luar bandar) dipilih sebagai kes kajian. Data dikumpulkan dari dua set responden: agen jualan dan penyewa. |
| 2   | Selamat <i>et al.</i> (2018)                            | Keselamatan persekitaran perumahan dalam kalangan remaja di kawasan Program Perumahan Rakyat (PPR)                 | Mengkaji mempengaruhi keselamatan persekitaran dalam kalangan remaja di PPR iaitu kesihatan diri, hubungan kejranaan, penggunaan media sosial, hubungan keluarga dan semangat cintakan Malaysia      | Kuantitatif<br>Borang Soal Selidik   |
| 3   | Iqbal and Wilhelmsson (2018)                            | <i>Park proximity, crime and apartment prices</i>  | kesan nilai kemudahan akses ke taman pada harga apartmen dengan merujuk kepada kadar jenayah di taman-taman di Stockholm.  | menganalisis kesan berdekatan taman dan jenayah di taman pada harga apartmen dengan menggunakan sistem maklumat geografi dan pemodelan hedonik.  |
| 4   | Massomeh Hedayati-Marzbali, Tilaki, and Abdullah (2017) | <i>Assessing the effect of neighbourhood structure on residents' perceptions of safety in gated communities: a</i> | menilai hubungan antara pengawasan semulajadi, gangguan yang dirasakan, perpaduan sosial dan persepsi tentang keselamatan di komuniti berpagar   | Sejumlah 250 isi rumah dari Babolsar, Iran, mengambil bahagian dalam kajian ini. Teknik pemodelan persamaan struktur digunakan untuk mengkaji model penyelidikan.  |

| NO. | PENKKAJI                   | KAJIAN  | OBJEKTIF KAJIAN   | ALAT KAJIAN  |
|-----|----------------------------|---|---|--|
|     |                            | <i>case study of Iran</i>   |   |  |
| 5   | Bakar and Jusoh (2017)     | Kesejahteraan Komuniti Dalam Skop Perumahan Mampu Milik Mampan                      | Mengkaji domain dalam skop kesejahteraan komuniti   | Kualitatif<br>Carian terperinci keatas artikel-artikel   |
| 6   | Mohit and Elsayahli (2017) | <i>Crime and housing in Kuala Lumpur: Taman Melati Terrace House</i>                | Mengkaji kesan reka bentuk fizikal mengenai kejadian jenayah di kawasan kediaman Taman Melati Kuala Lumpur dan menguji kesan persekitaran yang dibina atas kemungkinan pengurangan jenayah melalui langkah-langkah perancangan fizikal. | Borang kajian selidik (Data awal)<br><br>Pendekatan Kualitatif (Mengenalpasti faktor-faktor jenayah)   |
| 7   | Tan (2016)                 | <i>Residential satisfaction in gated communities</i>                                | Mengenalpasti tahap kepuasan dan motivasi pemilik rumah di kawasan perumahan berpagar di sekitar Lembah Klang   | Borang kaji selidik  |
| 8   | McIlhatton et al. (2016)   | <i>Impact of crime on spatial analysis of house prices: evidence from a UK city</i> | menguji kesan kesan spatial di pasaran perumahan, bagaimana ini berkaitan dengan kejadian jenayah dan sama ada kesan berbeza mengikut jenis jenayah.  | Analisis pada awalnya meneroka corak spatial univariat dan bivariat dalam data jenayah dan harga rumah untuk Kawasan Metropolitan Belfast menggunakan model Moran's dan Local Indicator Spatial Association (LISA) |

| NO. | PENKKAJI                | KAJIAN  | OBJEKTIF KAJIAN   | ALAT KAJIAN  |
|-----|-------------------------|---|---|--|
| 9   | Cozens and Tarca (2016) | <i>Exploring housing maintenance and vacancy in Western Australia</i> | Mengkaji pengurusan imej "sebagai elemen penting dalam konsep pencegahan jenayah melalui reka bentuk alam sekitar (CPTED) | Menggunakan dua gambar untuk mendapatkan maklum balas (salah satu yang tidak diselenggara dengan baik dan satu yang dipelihara dengan baik) ditanya mengenai persepsi mereka tentang jenayah, dan sejauh mana ciri CPTED dilihat hadir. Keputusan ini berbeza dengan audit tapak mengenai sifat CPTED yang dapat dilihat dalam kedua-dua imej. |
| 10  | Clancey (2015)          | <i>A local case study of the crime declime</i>                        | Meneroka dimensi tempatan terhadap "penurunan kes jenayah"  | Dua kumpulan fokus dan 15 wawancara separa berstruktur dengan pengamal tempatan  |

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam usaha untuk mengetahui tahap keselamatan penduduk dalam kawasan perumahan mampu milik. Justeru pengkaji berpendapat kajian yang dijalankan ini akan memberikan maklumat-maklumat penting untuk dianalisa oleh pihak-pihak yang berkaitan termasuklah:

### 1.6.1 Pihak Kerajaan

Kerajaan merupakan penggubal dasar, terdiri daripada pihak eksekutif dan legislatif yang membawa suara hati rakyat di peringkat nasional dan juga negeri. Keputusan kerajaan adalah merupakan denyut nadi rakyat yang memberikan mandat kepada pemerintah untuk menjalankan tanggungjawab sebaiknya. Maka selaku



pemerintah yang dipilih oleh proses undang-undang yang sah, kerajaan mempunyai kuasa untuk merangka, menggubal dan menguatkuasakan undang-undang agar pemaju perumahan membina RMM menepati ciri-ciri keselamatan yang mampan sebagai pencegahan kepada aktiviti jenayah. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) selaku pemilik utama sentiasa menjadi tumpuan utama oleh lensa masyarakat selain menjadi bahan kritikan atas isu-isu yang sering dimainkan.

Dari konteks pemaju dan pihak berwajib lain, prosedur operasi standard mereka adalah bergantung dengan kerangka dasar yang ditetapkan oleh kerajaan. Justeru, kajian ini adalah penting untuk agar dapatan tersebut mampu dimanfaatkan oleh kerajaan dan agensi di bawahnya memandangkan aspek pembinaan RMM ini melibatkan banyak agensi kerajaan seperti PDRM, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Pihak Berkuasa Tempatan, dan Pihak Berkuasa Tempatan dan lain-lain agensi berkaitan supaya aspek pemilikan RMM ini mampu untuk membina masyarakat yang bebas daripada gejala jenayah.

#### **1.6.2 Pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO)**

Dr Norma (2014) menyifatkan Badan Bukan Kerajaan (NGO) merupakan organisasi yang ditubuhkan untuk memperjuangkan suatu kepentingan awam dan bukannya individu atau komersial. NGO memainkan peranan besar terutama dalam sektor yang tidak dapat dipenuhi dengan perkhidmatan kerajaan. Ia disebut sebagai sektor ketiga yang membantu menyelesaikan masalah negara dan menangani pelbagai keperluan sosial termasuk isu kemiskinan dan pengangguran ke arah kesejahteraan rakyat.

Dalam konteks perumahan, NGO bertindak sebagai badan pendesak kepada kerajaan agar suara rakyat mengenai projek perumahan mampu milik tidak dipandang sepi. Justeru kajian ini adalah penting dalam memastikan NGO-NGO ini akan menerima dapatan yang komprehensif dalam usaha untuk membantu rakyat mendapatkan RMM yang lengkap dengan kemudahan yang boleh meminimumkan aktiviti jenayah daripada berlaku.

### **1.6.3 Pihak Badan Pengurusan Bersama (JMB)**

Badan Pengurusan Bersama atau *Joint Management Body (JMB)* merupakan satu jawatankuasa yang dianggotai dan ditadbir oleh Pemilik Petak / Penduduk dalam mengurus dan menyenggara bangunan. JMB diwajibkan di semua bangunan bertingkat yang tertakluk di bawah hakmilik strata. Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan & Pengurusan Bangunan) 2007 (Akta 663) yang berkuatkuasa pada 12 April 2007 telah mewajibkan semua pemaju untuk menubuhkan Badan Pengurusan Bersama atau *Joint Management Body (JMB)* di semua bangunan bertingkat yang tertakluk di bawah Akta Hakmilik Strata (KPKT).

Selaku badan yang mendapat mandat daripada penghuni suatu kawasan perumahan, kajian ini adalah penting untuk memastikan JMB mendapat maklumat yang secukupnya demi memastikan segala aspek kemudahan di suatu kawasan perumahan dapat disenggara dengan baik bagi meminimumkan aktiviti jenayah daripada berlaku untuk kesejahteraan penduduk. Malah, dapatan kajian juga dapat memberikan input yang sewajarnya kepada JMB tentang kaedah yang terbaik untuk menyatupadukan komuniti perumahan dalam aspek pencegahan jenayah seperti program komuniti, riadah, kawalan keselamatan dan lain-lain.

### **1.6.4 Pihak Pemilik Perumahan Mampu Milik**


Selaku pembeli atau penyewa yang bakal mendiami rumah tersebut dalam tempoh jangka masa tertentu, kajian ini adalah penting agar bakal-bakal pembeli dan penyewa ini faham apakah kriteria perumahan mampan yang bebas daripada aktiviti jenayah sebagaimana yang digariskan dalam DRMM dan para pengkaji bebas. Aspek pemilikan RMM tidak hanya terletak kepada kuantiti dan bilangan rumah yang mampu dibina, namun bagaimana pemilik rumah dapat hidup sejahtera sekiranya segala aspek keselamatan penghuni diambil kira seperti pemasangan Kamera Litar Tertutup (CCTV) dan pembinaan Balai Polis berhampiran agar penduduk berasa lebih selamat daripada ancaman jenayah.

Malah selaku penduduk, mereka juga harus dibekalkan dengan maklumat yang lengkap tentang kaedah yang terbaik untuk mencegah jenayah daripada terus menghantui perumahan mereka dan menyebabkan kehidupan seharian mereka terjejas kerana dilema dan trauma.

## **1.7 Metodologi Kajian**

Dalam sesebuah kajian atau penyelidikan yang dijalankan, ianya memerlukan kaedah atau metod dalam mendapatkan data atau dapatan kajian. Dengan data yang mencukupi, barulah sesebuah kajian itu dapat dijalankan dengan baik. Bagi penyelidik yang ingin memastikan setiap hasil mereka adalah tepat, maka beberapa perkara perlu diikuti agar tidak tersasar jauh dan teknik penyelidikan juga perlulah bersesuaian dengan keadaan semasa teknik secara kualitatif ataupun kuantitatif.

Kajian metedologi ini bermula daripada mengenalpasti masalah, pengutipan dan penganalisan data yang telah diperolehi. C.R Kothari (2004), menyatakan metedologi adalah cara atau kaedah yang sistematik untuk menyelesaikan masalah kajian yang dikaji. Berikut merupakan hubung kait di antara metedologi kajian yang dilakukan bagi mencapai objektif kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji.



Rajah 1.1 Hubung Kait Metodologi Dalam Kajian

### 1.7.1 Kaedah Kajian

Kaedah kajian disusun mengikut susunan yang bermula daripada pengenalan mengenai topik yang hendak dikaji sehingga kepada penutup dan kesimpulan yang dibuat hasil daripada kajian yang telah dijalankan. Proses ini dilakukan berdasarkan kepada carta alir kajian mengikut fasa-fasa yang telah ditetapkan agar maklumat yang berkaitan dapat dikumpulkan dengan sistematik.

- i. Peringkat 1: Pengenalan kepada kajian
- ii. Peringkat 2: Kajian Teoritikal dan Literatur
- iii. Peringkat 3: Proses Pengumpulan Data
- iv. Peringkat 4: Menganalisis Data
- v. Peringkat 5: Kesimpulan dan Cadangan

### **1.7.1.1 Peringkat I: Pengenalan Kepada Kajian**

Dalam peringkat ini, pengkaji menerangkan secara ringkas mengenai latar belakang kajian yang merangkumi pernyataan masalah, matlamat kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, dan metodologi kajian bagi membolehkan matlamat sebenar dapat dilihat dengan lebih jelas.

### **1.7.1.2 Peringkat II: Kajian Teoritikal dan Literatur**

